

SOALAN NO.: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 20 NOVEMBER 2017
SOALAN : 14

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan keadaan inflasi penjagaan kesihatan di negara ini sepanjang 5 tahun lalu, bagaimanakah Kerajaan menetapkan kadar kos perubatan dan fi hospital dan klinik swasta dengan tujuan mengurangkan kadar inflasi.

Tuan Yang di-Pertua

Kadar inflasi di takrifkan sebagai perubahan peratusan paras harga dari tempoh sebelumnya. Kadar keseluruhan inflasi negara adalah diukur oleh *Consumer Price Index (dengan izin)* (CPI) yang dilaksanakan oleh Jabatan Statistik Malaysia. Walaupun CPI meliputi penilaian beberapa barangan dan perkhidmatan termasuk komponen kesihatan. Komponen kesihatan hanya menyumbang 2.7 peratus daripada kadar keseluruhan inflasi negara. Kadar kumulatif inflasi kesihatan sejak beberapa tahun

23

yang lalu berbanding tahun 2010 adalah pada kadar antara 14-21 peratus.

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013.

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi.

Walaupun bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain lain), caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.